

**Malaysia Adalah Negara Dinamik, Kata Presiden Republik Czech
Bernama
07 Julai, 2012**

KUCHING, 7 Julai (Bernama) -- Malaysia muncul sebagai sebuah negara dinamik yang telah berkembang maju dalam semua aspek, kata Presiden Republik Czech, Vaclav Klaus.

Beliau berkata lawatan terakhir beliau ke negara ini adalah 16 tahun lalu ketika menjadi Perdana Menteri negara Eropah Tengah itu dan selepas pemerhatiannya selama dua hari dalam lawatan terbaru ini, Malaysia telah maju dengan begitu ketara.

"Perasaan kami setelah dua hari di sini menyaksikan wujud pembangunan ketara di negara anda," katanya semasa berucap pada majlis jamuan malam negeri sempena lawatannya ke Sarawak, Jumaat.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin Barieng menghoskan jamuan tersebut yang dihadiri oleh orang kenamaan negeri termasuk Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan anggota barisan kabinet negeri.

Klaus bersama isteri Livia Klausova dan delegasi yang terdiri daripada beberapa menteri dan anggota komuniti perniagaan negara itu tiba di sini.

Klaus berkata lawatan negara lima hari ke Malaysia adalah bertujuan memupuk hubungan dua hala yang lebih erat dalam semua bidang.

Beliau berkata Malaysia dan Republik Czech telah mempunyai latar belakang yang berbeza dan ini boleh merangsang kepentingan rakyat kedua-dua negara untuk mengetahui lebih lanjut mengenai diri masing-masing.

Mengenai lawatan ke Sarawak, katanya ia telah sentiasa menjadi niatnya bukan sahaja tinggal di ibu kota negara semasa melakukan lawatan negara tetapi cuba singgah di bahagian lain di negara berkenaan.

"Kami telah membuat pilihan yang baik dengan melawat negeri Sarawak yang indah," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678702>